

Semua pelajar UMS dijangka pulang sebelum Aidilfitri, Kaamatan

DE 20.05.2020 P1
Larry Ralon


KOTA KINABALU: Kesemua sekitar 1,000 pelajar yang masih berada di kampus Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini sementara menunggu pelepasan untuk pulang ke rumah masing-masing, mungkin akan dapat kembali ke kampung masing-masing sebelum sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Pesta Kaamatan.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin, berkata universiti itu ketika ini sedang mengatur agar pelajar-pelajar terbabit dapat pulang ke tempat masing-masing dan akan cuba yang terbaik untuk menyelesaikan urusan itu sebelum Hari Raya dan Pesta Kaamatan.

"Selepas calitan mereka diambil dan mereka negatif (jangkitan Covid-19), kami akan melepaskan mereka," beliau memberitahu pemberita ketika sidang media selepas menyampaikan, bagi pihak UMS, sebuah Ruang Persampelan Covid (*Covid Sampling Chamber*) kepada Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, yang diterima pengarahnya, Datuk Dr Christina Rundi, di Klinik Kesihatan Luyang, di sini, awal Selasa.

Ruang mudah alih itu dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan serta Hospital UMS (HUMS) yang menelan kos RM20,000.

Mengenai ruang mudah alih itu, Dr Taufiq berkata ia adalah unit pertama disiapkan untuk tujuan memberikan ruang selesa dan selamat bagi anggota kesihatan untuk mengambil sampel calitan, dan pada



masa sama mengurangkan penggunaan Peralatan Perlindungan Peribadi (PPE).

"Ia adalah yang pertama seumpamanya, iaitu mudah alih, lebih kecil dan ringan berbanding yang lain. Kami bercadang untuk membangunkan lima lagi ruang seumpamanya untuk HUMS, kerana kami juga mengambil sampel calitan di hospital kami," katanya.

Dr Rundi mengucapkan terima kasih kepada UMS dan mereka yang terbabit membangunkan ruang pengambilan sampel itu yang membantu untuk mewujudkan persekitaran lebih selesa dan selamat untuk anggota kesihatan yang terbabit dalam

pengambilan sampel calitan.

Menurutnya, penggunaan ruang itu juga dapat membantu mengurangkan penggunaan PPE, kerana di Sabah, kira-kira 5,000 PPE digunakan setiap hari.

"Penggunaan ruang itu sudah pasti membantu kami mengurangkan penggunaan PPE di Sabah, jadi kami sangat berterima kasih dengan kerjasama dan sumbangan daripada UMS ini," katanya.

Kepada satu soalan mengenai tahap kesiapsiagaan jabatan itu bagi sebarang kemungkinan dengan jangkaan pergerakan besar-besaran orang ramai ketika sambutan Hari Raya Aidilfitri di Sabah, Dr Rundi berharap orang ramai bersedia untuk terus memenuhi tanggungjawab mereka sekalipun ketika sambutan Hari Raya kerana usaha memutuskan rantaian Covid-19 belum berakhir.

"Saya berharap sambutan Hari Raya tidak seperti sebelum kita ada Covid-19. Pandemi ini telah mengubah cara kita menyambutnya. Kita masih berdepan wabak ini, yang memerlukan semua orang untuk mempunyai kesedaran yang tinggi ketika menyambut perayaan.

"Kami sudah bersedia tapi saya juga ingin meminta semua orang untuk sedia berkongsi tanggung jawab bersama-sama. Kita masih lagi cuba membendung pandemik ini, kerana Covid-19 belum berakhir," katanya.

Lihat muka 2